

No. 758.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

STATUT KETUA AUDIT DALAM 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Sultan Zainal Abidin [*P.U. (A) 456/2010*], Canselor membuat statut yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Statut ini bolehlah dinamakan Statut Ketua Audit Dalam 2024.
- (2) Statut ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.

Tafsiran

2. Dalam Statut ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971;

“Ketua Audit Dalam” ertinya pegawai yang dilantik di bawah seksyen 15 Perlembagaan;

“Lembaga” ertinya Lembaga Pengarah Universiti;

“Perlembagaan” ertinya Perlembagaan Universiti Sultan Zainal Abidin;

“Universiti” ertinya Universiti Sultan Zainal Abidin; dan

“Unit Audit Dalam” ertinya suatu jabatan atau unit dengan apa-apa jua nama sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga yang berperanan memberi penilaian dan jaminan bebas dan objektif, pengesyoran dan nasihat mengenai proses tadbir urus Universiti dan kawalan dalaman berkaitan pengurusan kewangan Universiti bagi tujuan menambah nilai dan menambah baik operasi dan pentadbiran Universiti, dan bertanggungjawab secara langsung kepada Lembaga dan di bawah penyeliaan pentadbiran Naib Canselor.

Fungsi dan kuasa Ketua Audit Dalam

3. (1) Maka hendaklah ada seorang Ketua Audit Dalam yang dilantik oleh Naib Canselor, dengan persetujuan Lembaga, yang hendaklah berkhidmat sebagai pegawai Universiti sepenuh masa, mengikut seksyen 15 Perlembagaan.

(2) Tertakluk kepada Akta, Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan, tugas Ketua Audit Dalam termasuklah—

- (a) menjadi ketua Unit Audit Dalam;
- (b) mengkaji pengurusan pusat tanggungjawab dalam tempoh tertentu untuk mengetahui sama ada fungsi perancangan, penyeliaan, arahan dan pengawalan yang selaras dengan dasar, arahan dan peraturan pengurusan dilaksanakan dengan berkesan sejajar dengan objektif dan amalan pengurusan yang baik;
- (c) menentukan kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan pengawasan operasi;
- (d) mengkaji ketepatan dan kesahihan maklumat kewangan dan mengenal pasti cara untuk mengukur, mengkategorikan dan melaporkan maklumat tersebut;
- (e) mengkaji sistem sedia ada untuk memastikan bahawa ia selaras dengan dasar dan peraturan terutamanya dalam bidang yang berkaitan operasi serta menentukan sama ada Universiti mematuhiinya;
- (f) mengkaji cara yang sesuai untuk melindungi aset Universiti dan mengesahkan kewujudan aset tersebut;
- (g) menilai faedah dan keberkesanan penggunaan sumber yang ada, mengenal pasti peluang untuk meningkatkan penggunaan sumber serta mencadangkan cara untuk mengatasi masalah yang berkaitan;
- (h) mengkaji perjalanan organisasi dan pelaksanaan program untuk memastikan sama ada hasilnya selaras dengan objektif yang telah ditentukan, dan sama ada ianya telah dilaksanakan seperti mana yang dirancang;
- (i) menyelaras tugas Audit Dalam dengan Audit Luar dan Jabatan Audit Negara;
- (j) mengemukakan rancangan audit tahunan untuk perakuan Naib Canselor sebelum dibawa ke Lembaga bagi tujuan pertimbangan dan kelulusan;
- (k) melaporkan kepada pihak pengurusan Universiti mengenai sesiapa yang sepatutnya mengambil tindakan atas sesuatu teguran audit;
- (l) melaporkan kepada Lembaga mengenai pegawai atau pekerja Universiti yang didapati melakukan penyelewengan;
- (m) memastikan bahawa setiap perancangan dan tindakan yang dibuat oleh Universiti mengambil kira pandangan audit sebelumnya;
- (n) menilai semua rancangan dan tindakan yang telah diambil supaya selaras dengan teguran audit mengenainya;

- (o) mengemukakan laporan setiap suku tahun kepada Lembaga dan Naib Canselor yang meliputi perkara yang berikut:
 - (i) tindakan susulan yang diambil berdasarkan penemuan audit yang penting;
 - (ii) peningkatan keberkesanan dan kelicinan operasi, hasil daripada tindakan audit;
 - (iii) penyelarasan Audit Dalam dan Audit Luar untuk mengelakkan pertindihan;
 - (iv) perancangan kerja audit; dan
 - (v) halangan yang dihadapi dalam melaksanakan kerja-kerja audit;
- (p) membentangkan laporan audit dalam kepada Lembaga setiap suku tahun; dan
- (q) menjalankan tugas dan fungsi lain yang diarahkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(3) Ketua Audit Dalam hendaklah membuat laporan audit dan penemuan mengenainya kepada Lembaga dan dimaklumkan kepada Naib Canselor.

Tanggungjawab Ketua Audit Dalam

4. (1) Ketua Audit Dalam hendaklah bersikap adil dan tidak berat sebelah, mengelakkan konflik kepentingan dan bebas dalam menjalankan audit ke atas aktiviti dan operasi yang diaudit.

(2) Ketua Audit Dalam adalah bertanggungjawab secara langsung kepada Lembaga tetapi hal ehwal pentadbirannya adalah di bawah penyeliaan Naib Canselor.

(3) Ketua Audit Dalam berkuasa sepenuhnya untuk mendapatkan keterangan, dokumen atau rekod dan berhak menyemak semua rekod, dokumen atau keterangan tersebut bagi Ketua Audit Dalam menjalankan tugasnya.

(4) Ketua Audit Dalam mempunyai kuasa untuk melihat semua dokumen, wang tunai, rekod, baucer, setem, saham, harta dan barang stor yang tertakluk kepada pengauditannya tanpa gangguan daripada mana-mana pihak.

(5) Ketua Audit Dalam mempunyai kuasa untuk memanggil mana-mana individu bagi mengemukakan apa-apa keterangan atau maklumat berkaitan dengan pengauditan.

Mewakulkan kuasa

5. (1) Ketua Audit Dalam boleh mewakulkan mana-mana kuasanya secara bertulis kepada mana-mana pekerja Universiti di Unit Audit Dalam untuk membantu dalam melaksanakan dan menjalankan dengan sewajarnya tugas-tugas Ketua Audit Dalam.
- (2) Perwakilan ini tidak termasuk kuasa untuk menandatangani perjanjian.

Ketiadaan Ketua Audit Dalam

6. Sekiranya Ketua Audit Dalam tiada bagi suatu tempoh yang lama atas apa-apa sebab, Pengerusi Lembaga boleh memberi kuasa secara bertulis kepada mana-mana pekerja Universiti untuk menjalankan kesemua atau mana-mana tugas Ketua Audit Dalam, semasa tempoh ketiadaannya.

Kesahan perbuatan Ketua Audit Dalam yang menjalankan tugas berkenaan sebelum kuat kuasa Statut

7. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Ketua Audit Dalam yang menjalankan tugasnya yang berkenaan sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat 4 November 2023

K.D.Y.M.M. SULTANAH NUR ZAHIRAH
Canselor
Universiti Sultan Zainal Abidin

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

CONSTITUTION OF UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

HEAD OF INTERNAL AUDIT STATUTE 2024

In exercise of the powers conferred by section 35(1) of the Constitution of Universiti Sultan Zainal Abidin [*P.U. (A) 456/2010*], the Chancellor makes the following statute:

Citation and commencement

1. (1) This Statute may be cited as the Head of Internal Audit Statute 2024.
- (2) This Statute is deemed to have come into operation on 1 January 2024.

Interpretation

2. In this Statute, unless the context otherwise requires—

“Act” means the Universities and University Colleges Act 1971;

“Head of Internal Audit” means the officer appointed under section 15 of the Constitution;

“Board” means the Board of Directors of the University

“Constitution” means the Constitution of Universiti Sultan Zainal Abidin;

“University” means Universiti Sultan Zainal Abidin; and

“Internal Audit Unit” means the department or unit with any name as determined by the Board whose role is to provide independent and objective appraisal and assurance, recommendation and consultation regarding the University’s governance processes and internal control relating to University’s financial management designed to add value and improve the University’s operation and administration, and is directly answerable to the Board and under the administrative supervision of the Vice-Chancellor.

Function and power of Head of Internal Audit

3. (1) There shall be a Head of Internal Audit appointed by the Vice-Chancellor, with the consent of the Board, who shall serve as a full-time officer of the University, in accordance with section 15 of the Constitution.

(2) Subject to the Act, Constitution, Statutes, Rules and Regulations, the duties of the Head of Internal Audit include—

- (a) to be head of the Internal Audit Unit;
- (b) to study the management of responsibility centre within a particular period to find out whether the function of planning, supervising, instructing and controlling which is consistent with the management policy, instructions and regulations is implemented effectively in line with the objective and good management practice;
- (c) to determine the reliability and effectiveness of the internal control and operation monitoring system;
- (d) to study the accuracy and authenticity of financial information and to identify the manner to assess, categorize and report such information;
- (e) to study the existing system in order to ensure that the system is consistent with the policy and regulations especially in the area related to operation and to determine whether the University complies therewith;

-
- (f) to study the appropriate manner to protect University assets and to confirm the existence of such assets;
 - (g) to evaluate the benefit and effectiveness of the use of existing resources, to identify the opportunity to increase the use of resources and to propose the manner to overcome related problems;
 - (h) to review the course of the organization and the implementation of the programme to ascertain whether the results are in line with the objectives that have been determined, and whether they have been implemented as planned;
 - (i) to co-ordinate the duties of Internal Audit with External Audit and National Audit Department;
 - (j) to submit an annual audit plan for the Vice-Chancellor's certification before being brought to the Board for consideration and approval;
 - (k) to report to the management of the University concerning the proper individual or responsibility centre to take action on audit remark;
 - (l) to report to the Board about employees of the University who have been found to have committed misconduct;
 - (m) to ensure that each planning and action made by the University has taken into consideration the views of previous audit;
 - (n) to evaluate all planning and actions made in order to be consistent with audit remarks thereon;
 - (o) to submit a report quarterly to the Board Committee and the Vice-Chancellor which includes the following matters:
 - (i) follow-up actions taken based on important audit findings;
 - (ii) the increase in effectiveness and smoothness of the operation, as a result of audit measures;
 - (iii) the co-ordination of Internal Audit, External Audit and National Audit Department to avoid overlapping;
 - (iv) the planning of audit work; and
 - (v) the obstruction encountered in exercising audit work;
 - (p) present internal audit reports to the Board every quarter; and
 - (q) to exercise other duties and functions instructed by the Board Committee from time to time.
- (3) The Head of Internal Audit must make all audit reports and findings to the Board and inform the Vice-Chancellor.

Responsibilities of the Head of Internal Audit

4. (1) The Head of Internal Audit shall be fair and impartial, avoid conflict of interest and be independent in carrying out audit on the activity and operation audited.

(2) The Head of Internal Audit is directly answerable to the Board but its administrative matters are under the supervision of the Vice-Chancellor.

(3) The Head of Internal Audit has full authority to obtain evidence, documents or records and has the right to check all such records, documents or evidence for the Head of Internal Audit to exercise his duty.

(4) The Head of Internal Audit has the power to access all documents, cash, records, vouchers, stamps, stocks, properties and goods in store which are subject to his auditing without interference from any party.

(5) The Head of Internal Audit has the power to summon any individual to submit any evidence or information in connection with the auditing.

Delegating power

5. (1) The Head of Internal Audit may delegate any of his powers in writing to any employees of the University in the Internal Audit Unit to assist in the proper performance and exercise of the duties of the Head of Internal Audit.

(2) This delegation shall not include the power to sign an agreement.

Absence of Head of Internal Audit

6. Where the Head of Internal Audit is absent for an extended period due to any reason, the Chairperson of the Board may authorise, in writing, any employees of the University to exercise all or any duties of the Head of Internal Audit, during the period of absence.

Validity of acts of Head of Internal Audit exercising the duty in question before the coming into operation of Statute

7. No acts or omissions by the Head of Internal Audit who exercises his duty in question before the coming into operation of this Statute shall be invalid on the ground that this Statute has not come into operation.

Made 4 November 2023

K.D.Y.M.M. SULTANAH NUR ZAHIRAH
Chancellor
Universiti Sultan Zainal Abidin